

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 07/09/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional 35

Tajuk : Sasar Lebih 6 Juta Ahli ANGKASA Miliki Rumah

## Sasar lebih 6 juta ahli Angkasa miliki rumah

**Kuantan:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menasarkankan projek pembinaan rumah mampu milik untuk lebih enam juta ahlinya di seluruh negara.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ia bagi memenuhi keperluan ahli yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah dengan adanya projek usahasama bersama rakan strategik Angkasa.

“Keperluan (permintaan) rumah sekarang memang tinggi, tetapi kebanyakannya di bawah kemampuan pembeli. Jadi, dengan adanya projek usahasama dengan pemaju perumahan dapat membantu ahli memiliki rumah mengikut kemampuan mereka.

“Di bawah Angkasa ada

MyAngkasa Home yang berperanan untuk mengenali pasti beberapa projek kediaman bagi membantu ahli kerana kita banyak mendapat permintaan daripada ahli untuk memiliki rumah. Kita cuba bantu ahli melalui projek usahasama sebegini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan projek pangsapuri perkhidmatan, Merdeka Residensi di sini, yang juga projek usahasama pertama di Pahang antara Angkasa dan JY Creative Development Sdn Bhd.

Bangunan kediaman tertinggi di negeri ini dengan ketinggian 32 tingkat membabitkan 361 unit kediaman itu turut memperuntukkan unit mampu milik di bawah harga RM350,000 seunit.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA